

Skim Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok (LPPSA)

Perlindungan Kemalangan Diri Percuma untuk pelanggan Takaful *myMortgage*

MANFAAT SEPINTAS LALU

- ✓ Perlindungan 24 jam di seluruh dunia
- ✓ Manfaat tambahan semasa melancong ke luar negara atau di dalam pengangkutan awam
- ✓ Perlindungan diperluas, termasuk rusuhan, mogok dan kekecohan awam, rampasan dan menunggang motor
- ✓ Tiada pemeriksaan kesihatan
- ✓ Perlindungan yang tinggi sehingga 70 tahun



JADUAL MANFAAT

No	Manfaat	Jumlah Perlindungan (RM)
a.	Kematian dan Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	100,000
b.	Jumlah Perlindungan Tambahan untuk Kematian dan Keilatan Kekal Akibat Kemalangan Semasa Melancong di Luar Negara atau di dalam Pengangkutan Awam	100,000
c.	Perbelanjaan Pengebumian Akibat Kemalangan	5,000
d.	Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah Akibat Kemalangan	5,000
e.	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	1,000
f.	Yuran Ambulans	1,000
g.	Elaun Kecederaan Akibat Diragut	1,000
h.	Elaun Penyembuhan Denggi	1,000
i.	Perlindungan Akibat Rompak ATM	1,000
j.	Pendapatan Harian Hospital Akibat Kemalangan (Maksimum 100 hari setahun)	100 setiap hari

PENERANGAN MANFAAT

• **Kematian dan Keilatan Kekal Akibat Kemalangan**

Sekiranya orang yang dilindungi mengalami kecederaan anggota badan, dalam tempoh (12) bulan yang menyebabkan kematian atau keilatan kekal, kami akan membayar mengikut peratusan berdasarkan jumlah perlindungan sehingga had yang ditetapkan dalam jadual manfaat.

• **Jumlah Perlindungan Tambahan untuk Kematian dan Keilatan Kekal Akibat Kemalangan Semasa Melancong ke Luar Negara atau di dalam Kenderaan Awam**

Sekiranya orang yang dilindungi mengalami kecederaan badan, dalam tempoh (12) bulan yang menyebabkan kematian atau keilatan kekal semasa melancong ke luar negara atau di dalam kenderaan awam sebagai penumpang berbayar, kami akan membayar jumlah perlindungan seperti yang ditetapkan dalam jadual manfaat.

• **Perbelanjaan Pengebumian Akibat Kemalangan**

Sekiranya orang yang dilindungi mengalami kecederaan yang menyebabkan kematian dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan, kami akan membayar jumlah perlindungan untuk perbelanjaan pengebumian seperti yang ditetapkan dalam jadual manfaat.

• **Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah Akibat Kemalangan**

Sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan, kami akan membayar balik perbelanjaan sebenar penghantaran jenazah.

• **Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan**

Sekiranya orang yang dilindungi menanggung perbelanjaan perubatan, pembedahan, hospital, rumah jagaan dan urutan disebabkan kecederaan badan yang berpunca daripada kemalangan, kami akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang ditanggung sehingga jumlah perlindungan bagi setiap kemalangan seperti yang ditetapkan dalam jadual manfaat.

• **Yuran Ambulans**

Sekiranya berlaku kemalangan, kami akan membayar balik kos sebenar kegunaan ambulans sehingga jumlah perlindungan bagi setiap kemalangan seperti yang ditetapkan dalam jadual manfaat sehingga had RM200 bagi setiap kejadian.

• **Elaun Kecederaan Akibat Diragut**

Kami akan membayar jumlah perlindungan seperti yang ditetapkan dalam jadual manfaat sekaligus untuk kecederaan yang disebabkan oleh peragut, tertakluk kepada laporan polis telah dibuat.

• **Elaun Penyembuhan Denggi**

Sekiranya didiagnosis dengan denggi dengan minimum enam (6) jam memasuki ke hospital, kami akan membayar jumlah perlindungan sekaligus seperti yang ditetapkan dalam jadual manfaat, tertakluk kepada dua (2) kejadian setiap tahun.

Kelayakan untuk manfaat ini hanya bermula selepas tujuh (7) hari dari tarikh kuat kuasa sijil. Sekiranya orang yang dilindungi didiagnosis dengan denggi dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh kuat kuasa sijil, manfaat ini tidak akan dibayar.

• **Perlindungan Akibat Rompakan ATM**

Jika orang yang dilindungi kehilangan wang tunai yang dikeluarkan dari ATM akibat rompakan ATM dalam tempoh satu (1) jam dari pengeluaran wang tunai dari akaun bank sendiri, kami akan membayar balik kerugian wang tunai sehingga had yang ditetapkan dalam jadual manfaat.

• **Pendapatan Harian Hospital Akibat Kemalangan**

Untuk setiap hari orang yang dilindungi di dalam Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta di Malaysia kerana kecederaan badan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kemalangan, kami akan membayar sehingga amaun yang ditetapkan dalam jadual manfaat, tertakluk kepada maksimum seratus (100) hari setahun.

PENGECUALIAN

Beberapa pengecualian standard seperti perang, keganasan, ketidak warasan, bunuh diri, kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada, jangkitan bakteria atau virus, kehamilan, melahirkan anak, pembunuhan yang sengaja ditimbulkan, pelanggaran undang-undang sivil atau syariah, keilatan atau kecederaan anggota badan sedia ada, penyalahgunaan dadah/alkohol.

NOTA PENTING:

1. Ini merupakan perlindungan tambahan percuma di samping MRTA / MRTT yang disediakan oleh LPPSA untuk dua (2) tahun berkuat kuasa dari tarikh lulus pinjaman. Ini adalah pelan takaful perlindungan kemalangan diri berkelompok yang diperbaharui setiap tahun dan perlindungan akan diperbaharui secara automatik untuk satu tahun yang berikutnya.
2. Sekiranya berlaku kemalangan yang memerlukan tuntutan, anda perlu memaklumkan kepada Takaful Malaysia dengan kadar segera dan melengkapkan borang tuntutan beserta dokumen sokongan. Borang tuntutan boleh didapati di <https://www.takaful-malaysia.com.my/others/Pages/ClaimForm.aspx>
3. Maklumat tentang produk dalam risalah ini telah diringkaskan dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan untuk merujuk dokumen sijil untuk butir-butir penuh, termasuk yang digariskan dalam risalah ini.



TAKAFULmalaysia

**Kita
Perlu
Bercangg**

☎ 1-300 88 252 385

🌐 [takaful-malaysia.com.my](https://www.takaful-malaysia.com.my)

✉ csu@takaful-malaysia.com.my

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (1246486-D) adalah syarikat yang dilisensikan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Kami Lindungi. Kami Prihatin. Kami Berkongsi